



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGGUNAAN ELEMEN DAN TEKNIK WEB E-PEMBELAJARAN MUZIK:
SATU KAJIAN PERBANDINGAN**

**SUHAIRI BIN SHOIB
M20071000069**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN
SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali rujukan dan dapatan daripada responden yang setiap rujukan saya telah jelaskan sumbernya.

21.10.2009

SUHAIRI BIN SHOIB
M20071000069





PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi di atas kekuatan dan kesabaran yang dikurniakan sepanjang merangka dan menyiapkan kajian ini hingga selesai. Kajian ini tidak akan terhasil tanpa bimbingan dan tunjuk ajar dari individu-individu yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga khususnya kepada En. Mohd Azam bin Haji Sulong (Azam Dungun) selaku penyelia yang tidak jemu-jemu mencurahkan ilmu dan memberikan bimbingan selama proses kajian ini dijalankan sehingga terhasilnya kajian lengkap.

Terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang sanggup berkongsi idea, memberi komen dan kerjasama yang sepenuhnya bagi menjayakan proses kajian penyelidikan ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada keluarga tersayang yang sentiasa menyuntik semangat dan sokongan padu serta pengorbanan yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini disiapkan. Semoga kalian mendapat keberkatan dari Yang Maha Esa. InsyaAllah.

SUHAIRI BIN SHOIB
(Matrik: M 20071000069)
Sarjana Pendidikan (Muzik)
Universiti Perguruan Sultan Idris





ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah bagi melihat sejauh mana kesan yang digunakan kepada elemen web seperti teks, grafik, audio, video dan animasi digunakan bersama teknik elemen web yang berbagai-bagai dalam menyampaikan pengajaran berasaskan web sebagai kesan kepada peningkatan dan motivasi pelajar dalam menyertakan diri di dalam proses pembelajaran secara atas talian secara aktif. Kajian berfokuskan kepada empat buah laman web e-pembelajaran muzik yang terpilih berdasarkan penggunaannya yang optimum dalam elemen dan teknik elemen web. Dapatan dari kajian seterusnya dikupas satu persatu berfokuskan kepada elemen dan teknik yang digunakan terhadap elemen tersebut. Maklum balas daripada *Webmaster* yang dipilih berdasarkan kepada pengalaman dan memiliki pengunjung web yang berada pada paras tinggi digunakan sebagai pengesahan daripada dapatan kajian yang dijalankan. Kajian ini bertujuan supaya hasil dan dapatan boleh dijadikan rujukan kepada pembina laman web e-pembelajaran yang berbentuk pendidikan muzik khasnya agar dapat menggunakan atau mengoptimumkan penggunaan elemen dan teknik elemen sepenuhnya bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian kepada para pelajar. Ia juga boleh dijadikan panduan kepada kemahiran asas pembinaan sesebuah web yang berbentuk e-pembelajaran yang berkualiti. Beberapa cadangan juga turut dikemukakan oleh pengkaji agar corak penyampaian bercorak atas talian dapat dibina secara lebih berkesan.





ABSTRACT

The research has been conducted to evaluate the effectiveness of using web elements such as text, graphic, audio, video and animation together with other varieties of web element technique, to conduct web teaching to improve and motivate students in active learning by using online application. The research finding describes and focus is on element and techniques that have been used. The respondents are from the chosen web master based on experiences and the highest web visitors as the validity of the research. The findings of the research are a reference to a web designer in e-learning, specifically in music education, to use and maximize the usage of elements and techniques in online learning. It also is a guide in basic skills for a good e-learning site. Some suggestions of ways to create an effective online education website are also mentioned.



**KANDUNGAN****PERKARA****HALAMAN**

HALAMAN JUDUL	.	.	.	.	.	.	.	.	.
PENGAKUAN	.	.	.	.	.	.	.	.	ii
PENGHARGAAN	.	.	.	.	.	.	.	.	iii
ABSTRAK	.	.	.	.	.	.	.	.	iv
ABSTRACT	.	.	.	.	.	.	.	.	v
KANDUNGAN	.	.	.	.	.	.	.	.	vi
SENARAI RAJAH	.	.	.	.	.	.	.	.	xii
SENARAI JADUAL	.	.	.	.	.	.	.	.	xiv
SENARAI SINGKATAN	.	.	.	.	.	.	.	.	xv

**BAB 1**

Pengenalan.	.	.	.	.	.	.	.	.	1
1.0 Pendahuluan	.	.	.	.	.	.	.	.	1
1.1 Latar Belakang Kajian	.	.	.	.	.	.	.	.	3
1.2 Penyataan Masalah	.	.	.	.	.	.	.	.	4
1.3 Objektif Kajian	.	.	.	.	.	.	.	.	4
1.4 Persoalan Kajian	.	.	.	.	.	.	.	.	4
1.5 Kepentingan Kajian	.	.	.	.	.	.	.	.	5
1.6 Batasan Kajian	.	.	.	.	.	.	.	.	5
1.7 Kesimpulan	.	.	.	.	.	.	.	.	6



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	7
2.1	Aplikasi Internet Dalam Pendidikan	8
2.1.1	Komunikasi	9
2.1.2	Perolehan Maklumat	10
2.1.3	Penyiaran Maklumat	12
2.1.4	Pembelajaran Interaktif Dalam Talian	12
2.2	Teknologi Multimedia Dalam Pendidikan	14
2.2.1	Teks	14
2.2.2	Grafik	15
2.2.3	Audio	16
2.2.4	Video	17
2.2.5	Animasi	17
2.3	Panduan Menggunakan Elemen Web Seperti Teks, Grafik, Audio Dan Animasi Di Dalam Laman Web Pendidikan	18
2.3.1	Teks	18
2.3.2	Grafik	19
2.3.3	Audio	20
2.3.4	Video	21
2.3.5	Animasi	24
2.4	Kajian Penggunaan Laman Web Dalam Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran	26
2.5	Kerangka Konseptual	28



2.6	Kesimpulan	28
-----	----------------------	----

BAB 3

METHODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	30
3.1	Kaedah Kajian	31
3.2	Carta Aliran / Prosedur Kajian.	31
3.3	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data	32
3.4	Web Kajian	33
3.5	Responden Kajian	34
3.6	Pengumpulan Dan Analisis Data	34
3.7	Kesimpulan	35



BAB 4



DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	36
4.1	Tinjauan Laman (http://www.teoria.com)	37
4.2	Elemen Dan Teknik	39
4.2.1	Elemen Teks	39
4.2.2	Teknik Teks	39
4.2.3	Elemen Grafik	41
4.2.4	Teknik Grafik	42
4.2.5	Elemen Audio	43
4.2.6	Teknik Audio	43



4.2.7	Elemen Animasi	44
4.2.8	Teknik Animasi	45
4.3	Tinjauan Laman (http://tariandabus.blogspot.com)	46
4.4	Elemen Dan Teknik	47
4.4.1	Elemen Teks	47
4.4.2	Teknik Teks	48
4.4.3	Elemen Grafik	49
4.4.4	Teknik Grafik	50
4.4.5	Elemen Audio	51
4.4.6	Teknik Audio	51
4.4.7	Elemen Video	52
4.4.8	Teknik Video	53
4.4.9	Elemen Interaktiviti (Borang)	54
4.4.10	Teknik Interaktiviti (Borang)	55
4.5	Tinjauan Laman (http://www.insidethemusic.co.uk)	55
4.6	Elemen Dan Teknik	56
4.6.1	Elemen Teks	56
4.6.2	Teknik Teks	57
4.6.3	Elemen Grafik	58
4.6.4	Teknik Grafik	59
4.6.5	Elemen Audio	59
4.6.6	Teknik Audio	60
4.6.7	Elemen Video	61

4.6.8	Teknik Video	61
4.6.9	Elemen Animasi	62
4.6.10	Teknik Animasi	63
4.7	Tinjauan Laman (http://www.ultimate-guitar.tv/)	64
4.8	Teknik Dan Elemen	65
4.8.1	Elemen Teks	65
4.8.2	Teknik Teks	66
4.8.3	Elemen Grafik	67
4.8.4	Teknik Grafik	67
4.8.5	Elemen Video	68
4.8.6	Teknik Video	69
4.8.7	Elemen Interaktiviti (Borang).	70
4.8.8	Teknik Interaktiviti (Borang)	70
4.9	Dapatan Perbandingan Elemen Dan Teknik Web	71
4.9.1	Teknik Pemetaan / Reka Bentuk Web	71
4.9.2	Elemen Dan Teknik Teks.	73
4.9.3	Elemen Pautan/Navigasi	75
4.9.4	Elemen Dan Teknik Grafik.	76
4.9.5	Elemen Dan Teknik Audio	79
4.9.6	Elemen Dan Teknik Video	80
4.9.7	Elemen Dan Teknik Animasi	82
4.9.8	Elemen Dan Teknik Interaktiviti (Borang)	84
4.10	Kesimpulan	85

**BAB 5****RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0	Pendahuluan	86
5.1	Rumusan Penggunaan Elemen Dan Teknik Web.	87
5.1.1	Penggunaan Elemen Dan Teknik Web	88
5.2	Cadangan Elemen Dan Teknik Web	91
5.2.1	Kelebihan Ciri Pelayar Web Dalam Penggunaan Elemen Dan Teknik Web E-Pembelajaran Muzik Berfokus Kepada Sukatan Kurikulum Muzik Di Malaysia	93
	a) Persepsi Estetik (Irama, Melodi Dan Ekspresi)	93
	b) Pengalaman Muzikal (Pengetahuan Teknik dan Pengalaman Muzik)	95
	c) Ekspresi Kreatif – Reka Cipta (Berkarya dan Mengimprovisasi)	97
	d) Penghargaan Estetik (Penghayatan Karya dan Persembahan Muzik)	100
5.3	Kesimpulan	103

RUJUKAN**LAMPIRAN****Lampiran 1 Borang Responden Webmaster**

- 1) Borang Responden Webmaster 1
- 2) Borang Responden Webmaster 2
- 3) Borang Responden Webmaster 3
- 4) Borang Responden Webmaster 4



**SENARAI RAJAH**

Rajah		Halaman
Rajah 2.5	Rajah Kerangka Konseptual . . .	28
Rajah 3.2	Carta Aliran / Prosedur Kerja. . .	32
Rajah 3.3	Trianggulasi Kesalah Dan Kebolehan Data. .	32
Rajah 4.1(a)	Paparan Laman Teoria.com . . .	37
Rajah 4.1(b)	Pemetaan Laman Teoria.com. . .	38
Rajah 4.2.2(a)	Teknik Pautan Teks Laman Teoria.com. . .	39
Rajah 4.2.2(b)	Teknik Teks Dalam Navigasi Tersusun . .	40
Rajah 4.2.4	Grafik Tutorial Pendekatan Teknik Flash . .	42
Rajah 4.2.6	Butang Audio Gabungan Teknik Flash Dan Shockware	43
Rajah 4.2.8	Teknik Animasi Dalam Proses Pembelajaran	45
Rajah 4.3(a)	Paparan Laman Tarian Dabus . . .	46
Rajah 4.3(b)	Reka Bentuk Pemetaan Laman Tarian Dabus .	47
Rajah 4.4.2	Teknik Teks Menu Laman Tarian Dabus . .	49
Rajah 4.4.3	Grafik Sokongan Mengikut Isi Kandungan .	49
Rajah 4.4.7	Paparan Video Dalam Laman Tarian Dabus .	52
Rajah 4.4.8	Teknik Video Dari Youtube.com . . .	53
Rajah 4.4.9	Borang Perbincangan Laman Tarian Dabus .	54
Rajah 4.5(a)	Paparan Utama Laman Insidethemusic.co.uk .	55
Rajah 4.5(b)	Paparan Reka Bentuk Laman Inside The Music .	56





Rajah 4.6.3	Grafik Animasi Dalam Paparan Tutorial . . .	58
Rajah 4.6.5	Audio Yang Dibenamkan Ke Dalam Grafik Dengan Teknik Flash	59
Rajah 4.6.6	Teknik Audio ‘Map Area’	60
Rajah 4.6.7	Paparan Video Teknik Shockware . . .	61
Rajah 4.6.9	Tutorial Animasi Laman Inside The Music . .	62
Rajah 4.6.10	Teknik Kawalan Menu Dalam Animasi . . .	63
Rajah 4.7(a)	Paparan Utama Laman Ultimate-guitar.tv . .	64
Rajah 4.7(b)	Reka Bentuk Laman Ultimate-guitar.tv . .	65
Rajah 4.8.2	Reka Letak Dan Teknik Pautan / Navigasi . .	66
Rajah 4.8.3	Susunan Grafik Sebagai Pautan Tutorial . .	67
Rajah 4.8.5	Kemudahan Video Dalam Teknik Streaming Loading	68
Rajah 4.8.7	Borang Perbincangan Atas Talian	70
Rajah 5.2(a)	Jenis Aplikasi Mengikut Pelayar Web . . .	94
Rajah 5.2(b)	Aplikasi Media Player Web Firefox . . .	97
Rajah 5.2(c)	Aplikasi Forum Berciri Interaktiviti . . .	100
Rajah 5.2(d)	Aplikasi Java Youtube Video Generator Script .	101





SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
Jadual 3.4	Kriteria Pemilihan Web Kajian . . .	34
Jadual 3.6	Borang Tinjauan Responden . . .	35
Jadual 5.2	Kurikulum Pendidikan Muzik Di Malaysia .	92





SENARAI SINGKATAN

2D	2 Dimensi
3G	3rd Generation
AVI	Audio/ Video Interleaved
CGI	Common Gateway Interface
CSS	Cascading Style Sheets
BMP	BitMap Graphics
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Perkhidmatan Komputer
CMS	Content Management System
FLV	Adobe Flash Player
GIF	Gaphics Interchange
HCI	Human Computer Interaction
HTML	Hypertext Markup Language
ISDN	Integrated Services Digital Network
JPG	Joint Photographic Expert Group
MIDI	Musical Instrument Digital Interface
MIMOS	Malaysia Institut of Microelectronic System
MSC	Multimedia Super Corridor
MTMK	Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan
MP3	Mpeg Level 3





P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran
PBK	Pengajaran Berbantuan Komputer
PKPP	Penggunaan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran
PNG	Portable Network Graphics
PPBK	Pengajaran Dan Pembelajaran Berbantuan Komputer
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
SWF	Shockwave Flash
WAVE	Format suara yang biasa dipakai di Windows
WBE	Web-Based Education
WMA	Windows Media Audio
WWW	World Wide Web





BAB 1

PENGENALAN



1.0 Pendahuluan

Era teknologi maklumat, *World Wide Web* (WWW) telah menjadikan Internet lebih mesra pengguna di mana ia dapat mengintegrasikan teks, grafik, dan bunyi ke dalam satu halaman paparan. E-pembelajaran kini telah digunakan secara meluas oleh pelajar dalam mengakses bahan serta mempelajarinya mengikut keperluan sendiri dalam keadaan tidak formal. Ia bersifat kos efektif di mana bahan yang terdapat pada pelbagai laman mampu diakses oleh guru dan pelajar tanpa kos yang tinggi. Ia berbeza dengan cara tradisional di mana kosnya lebih mahal untuk membeli buku, jurnal dan sebagainya.





Penggunaan medium yang lebih meluas seperti video, suara, imej dan foto, perbincangan berbentuk forum, blog dan sebagainya merupakan ciri-ciri interaktif yang wujud dalam Web 2.0. Ia merupakan revolusi kepada bentuk web konvensional yang hanya ia komunikasi satu hala. Ciri-ciri ini sekiranya dimanfaatkan dengan baik dan optimum, pasti akan membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Ini jelas dapat dilihat menerusi keupayaannya berkomunikasi secara interaktif melalui akses secara maya (Peat dan Fernandez, 2000) ia memberikan sumbangan yang cukup besar kepada pembelajaran secara aktif dan efektif (Mohd Sarif et al., 1999).

Pembelajaran berasaskan web merupakan sistem pembelajaran yang bersifat terbuka dan fleksibel (Khan, 2001). Perkembangannya telah menyalurkan faedah yang tidak ternilai kepada pelajar (Collis dan Anderson, 1994). Ini dapat dibuktikan menerusi hasil kajian oleh penyelidik-penyelidik pendidikan yang mendapati bahawa ia dapat meningkatkan tahap self-efficiency pelajar (Rami, 1999) meningkatkan interaksi sesama pelajar, meningkatkan pencapaian pelajar (Wideman dan Owston, 1999) dan menjadikan proses pembelajaran sebagai proses yang fleksibel dan digemari. Oleh itu penegasan dan pengetahuan terhadap penggunaan elemen-elemen yang terdapat dalam multimedia web harus difahami cara penggunaannya agar dapat memberikan sebuah pembelajaran atas talian yang bermutu dan berkualiti.





1.1 Latar Belakang Kajian

Kewujudan pelbagai laman web bercorak pendidikan telah memberikan satu alternatif kepada pendidik dan pelajar dalam mengakses maklumat. Laman web sebegini memberi peluang kepada mereka memperoleh pengetahuan dari pelbagai sumber, pada bila-bila masa, di pelbagai lokasi, dan melalui pelbagai mod persembahan termasuklah secara teks, grafik, video, audio dan animasi.

Namun demikian, para pendidik dan pelajar perlu menilai laman-laman web berkenaan sebelum ia digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian tersebut perlu mencakupi aspek-aspek isi kandungan termasuklah pelajar sasaran, kredibiliti laman web, ketepatan maklumat, objektiviti, liputan, dan keterkinian maklumat yang dipaparkan.



Di samping itu, aspek-aspek teknikal seperti isu aksesibiliti, interaktiviti, bantuan Navigasi serta nilai-nilai estetika dan tarikan visual, juga perlu dinilai oleh pengguna. Kajian tinjauan ini membincangkan kriteria-kriteria berkenaan, dengan menyertakan beberapa contoh laman web berunsur pendidik muzik yang bersesuaian. Beberapa cadangan dan panduan berkaitan penghasilan laman web pendidikan muzik yang bermutu turut akan dibincangkan.





1.2 Penyataan Masalah

Penyataan masalah yang ingin dilihat dalam kajian ini adalah menjurus kepada teknik komponen web yang digunakan dalam menyampaikan maklumat dan menyebarkan maklumat secara berkesan dalam perkongsian dan penyebaran maklumat di kalangan pelajar dalam pendidikan muzik. Kajian ini juga cuba menghuraikan penggunaan elemen-elemen web yang berpotensi dalam meningkatkan kefahaman dan motivasi pelajar terhadap pelajaran muzik melalui e-pembelajaran.

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk:



05-4506832 1) Menenal pasti peranan yang dimainkan oleh elemen multimedia web di dalam pembangunan sesebuah laman web yang berfokuskan kepada e-pembelajaran muzik.

2) Kajian juga bertujuan menentukan teknik yang sesuai digunakan dalam penggunaan elemen-elemen web seperti teks, grafik, audio, video dan animasi.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan utama di dalam kajian ini adalah:

1) Menentukan apakah perkara yang perlu dipertimbangkan dalam pembinaan sesebuah laman e-pembelajaran pendidikan muzik dari segi elemen multimedia yang diguna pakai.





- 2) Adakah peranan elemen multimedia dapat memberikan pencapaian yang optimum dari segi penyampaian secara talian dalam penggunaan pelbagai teknik web.

1.5 Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian tinjauan ini, kita dapat menghasilkan satu maklumat terperinci mengenai elemen-elemen web yang bersesuaian dengan paparan atau *method* pembelajaran yang ingin kita sampaikan melalui web. Penggunaan yang optimum dapat dilaksanakan dalam menyampaikan maklumat kepada pengguna. Justeru itu, ia membolehkan Kementerian Pelajaran Ia khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dan Bahagian Perkhidmatan Komputer (BPK) merangka dasar dan pelan tindakan melaksanakan program penggunaan pakej pengajaran dan pembelajaran bermultimedia sebagai alat bantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini juga, pengkaji dapat mencadangkan beberapa penggunaan dan sokongan elemen *World Wide Web* (WWW) yang dapat memudahkan proses pembelajaran pengguna yang kini merupakan corak (*trend*) pendidikan semasa.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada beberapa buah laman web berunsur pembelajaran muzik yang terpilih sahaja. Fokus kajian hanya ditumpukan kepada komponen-komponen utama yang harus ada dalam laman web berkonsep e-pembelajaran seperti teks, imej, grafik, audio, video dan animasi sama ada ia bersesuaian atau sebaliknya.





Laman-laman Web yang dipilih ialah:

- 1) Music Theory Web (<http://www.teoria.com>)
- 2) Tarian Dabus (<http://tariandabus.blogspot.com>)
- 3) Inside The Music: Elearning For Musicians (<http://insidethemusic.co.uk>)
- 4) Ultimate-Guitar.TV | Guitar Videos (<http://www.ultimate-guitar.tv>)

1.7 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang proses pembelajaran pada masa kini yang lebih bercorakkan atas talian di mana ia telah membawa satu pembaharuan di dalam dunia pendidikan kita. Namun, penggunaan teknik dan elemen multimedia web merupakan salah satu peranan yang boleh dimainkan dalam memberi kesan optimum terhadap ia proses pembelajaran secara atas talian. Oleh itu, para pembina laman web e-pembelajaran harus melihat penggunaan teknik dan komponen web yang digunakan dalam penyampaian maklumat agar ia dapat menyebarkan maklumat secara berkesan. Kajian ini cuba mengupas bagaimanakah elemen-elemen web dan cara teknik penyampaiannya sesuai diguna pakai dalam sebuah laman berbentuk e-pembelajaran pendidikan muzik agar dapat memberikan pencapaian yang berkualiti terhadap pengguna.

